

## **Penyelam Kata 'Tidak' Terhadap Loji Jana Kuasa Arang Batu**

KOTA KINABALU, 21 Jun (Bernama) -- Rakyat yang prihatin mengenai cadangan pembinaan loji janakuasa arang batu di Lahad Datu menggunakan kaedah kreativiti untuk menunjukkan bantahan berhubung projek tersebut.

Sekumpulan penyelam tempatan mempamerkan mesej mereka di Taman Marin Tunku Abdul Rahman di sini semalam, mengambil gambar di dasar laut dengan memakai kemeja-T yang bertulis 'Hentikan Loji Janakuasa Arang Batu' -- mesej jelas membantah pembinaan projek loji 300 megawatt itu.

Penyelam itu juga merakamkan video singkat tentang rayuan mereka agar menghentikan pembinaan loji itu di persisiran Segitiga Karang yang signifikan secara global, dengan memberi isyarat 'tidak' dengan jari-jari mereka, kata kumpulan alam sekitar tempatan Green SURF dalam kenyataan pada Isnin.

Salah seorang penyelam, Shartner Liew, berkata menyelam di dasar laut dengan memakai kemeja-T merupakan cara kumpulan itu untuk memberitahu kerajaan iaitu mereka mahukan pilihan alternatif digunakan bagi menyalurkan elektrik di Sabah.

"Sebagai seorang penyelam, kami risau kesannya iaitu loji janakuasa arang batu itu akan menjejaskan kehidupan marin di semenanjung Dent dan seluruh pantai timur. Kami mahu sebarkan mesej ini keseluruh negara untuk menghentikan pembinaan loji ini.

"Sebab itulah kami membuat keputusan untuk melakukannya bersama-sama, sebagai satu pasukan yang terdiri daripada kawan-kawan yang juga merupakan penyelam. Kumpulan kami turut disertai rakan-rakan dari negeri lain," katanya.

Liew dan rakan-rakannya bimbang terumbu karang yang terdapat di pantai timur termasuk di kawasan menyelam di Sipadan, Lankayan dan Mabul, akan memberi kesan negatif jika sebuah loji jana kuasa dibina di Lahad Datu.

Beliau berkata beberapa pelancong di taman marin itu turut menunjukkan minat terhadap apa yang dilakukan oleh kumpulan tersebut, dan ini adalah cara untuk menimbulkan kesedaran.

Green SURF, adalah gabungan lima badan bukan kerajaan yang menentang cadangan untuk membina loji janakuasa arang batu yang dirancang dibina di Lahad Datu, telah menunjukkan peningkatan dalam bilangan individu dan kumpulan yang menyokong kumpulan itu agar kerajaan menggunakan teknologi hijau untuk menyalurkan bekalan elektrik di Sabah.

-- BERNAMA